



The Malaysian Medical Gazette

[About](#) ▾ [Announcements](#) [Articles](#) ▾ [Feature Articles](#) ▾ [E-books](#) [Premium E-books](#)
[Contact Us](#) [Terms of Use](#)

FEATURE ARTICLES, HEALTH EDUCATION, INFECTIOUS DISEASES/PENYAKIT BERJANGKIT

Bahaya Mpox : Apa yang kita perlu tahu? – Dr Asrar Abu Bakar

by [Hidayah](#) • September 10, 2024 • [0 Comments](#)

Baru-baru ini kita menerima laporan penularan penyakit cacar momnyet ataupun Mpox khususnya di rantau Afrika. Peningkatan kes dan kematian serta penyebaran penyakit ini ke rantau lain termasuklah di Asia menjadi punca kepada pengisytiharan Pertubuhan Kesihatan Sedunia agar penyakit ini dijadikan 'Public health emergency of international concern (PHEIC)'. Oleh itu, penting untuk kita mengenali penyakit ini agar pemeriksaan dan ujian awal dapat dilakukan sekiranya perlu.



Apa itu Mpox?

Mpox merupakan sejenis virus daripada kumpulan *orthopoxvirus*, mirip kepada penyakit Smallpox yang pernah dibasmikan sepenuhnya suatu ketika dahulu melalui usaha vaksinasi. Penyakit ini sebenarnya jarang berlaku dan kebiasaannya hanya melibatkan individu yg menjalankan aktiviti berisiko tinggi seperti hubungan seksual sejenis di kalangan lelaki. Ia terdiri daripada 2 jenis *strain* iaitu clade 1 dan clade 2 di mana clade 1 menyebabkan penyakit yang lebih serius dan boleh mengundang maut khususnya *strain*

BAHAGIAN
AMALAN DAN
PERKEMBANGA
N FARMASI
(BAPF), KKM X
THE
MALAYSIAN
MEDICAL
GAZETTE
SERIES



Kementerian Kesihatan Malaysia

PREMIUM E-
BOOK

clade 1b yang sedang merebak kini. Perebakan strain 1b telah menyebabkan individu-individu kurang berisiko seperti kanak-kanak turut mendapat jangkitan dan menjadi punca kepada pengisytiharan PHEIC buat kali kedua dalam masa 2 tahun kebelakangan ini.

Apakah gejala Mpox?

Secara umumnya, Mpox bermula dengan gejala ringan seperti demam, sakit kepala, bengkak kelenjar dan lenguh badan. Ruam lazimnya akan timbul seawal hari pertama hingga hari kelima penyakit. Ruam bermula dengan fasa ruam merah leper, yang kemudiannya timbul dan menjadi cacar. Ini diikuti dengan fasa akhir di mana ruam tadi menjadi kering dan menjadi kuping. Ruam Mpox kebiasaannya sakit apabila disentuh.

Ada yang bertanya, tidakkah ruam ini mirip dengan penyakit cacar *Chickenpox*? Ya benar, kadang-kadang susah untuk dibezakan ruam Mpox dengan *Chickenpox*. Sebagai panduan ringkas, ruam *Chickenpox* tertumpu di bahagian badan dan jarang melibatkan tapak tangan dan tapak kaki, manakala ruam Mpox walaupun boleh berlaku di mana-mana anggota badan tetapi lebih tertumpu kepada bahagian muka, tapak tangan, kaki dan kemaluan. Fasa ruam Mpox lazimnya bermula secara serentak manakala ruam *Chickenpox* boleh timbul pada fasa-fasa yang berlainan. Ruam Mpox juga boleh berlarutan selama 2-4 minggu manakala ruam *Chickenpox* lebih kurang seminggu lamanya. Apapun disarankan sekiranya ada kemusykilan, pemeriksaan perubatan harus dilakukan.

Bagaimana Mpox boleh menjangkit?

Mpox tidaklah terlalu mudah berjangkit sepertimana virus lain seperti COVID-19 atau *Measles*. Jangkitan boleh berlaku sekiranya ada kontak rapat secara langsung dengan kulit pesakit yang mempunyai ruam Mpox ataupun secara tidak langsung melalui sentuhan pakaian, towel atau cadar yang tercemar. Ianya juga boleh merebak melalui titisan pernafasan terutamanya apabila individu terbabat duduk di satu bilik dengan pesakit Mpox dalam tempoh masa yang lama. Perlu diingat, gejala Mpox boleh muncul selepas 3 minggu kontak rapat dengan individu yang positif dan risiko keberjangkitan boleh berlaku sehari sebelum ruam timbul sehinggalah kesemua ruam kering sepenuhnya. Maka, pengesanan awal kontak rapat perlu supaya pengawasan rapi dapat dijalankan.

Adakah Mpox merbahaya?



Kebanyakan pesakit Mpox hanya memerlukan rawatan sokongan sahaja. Gejala akan hilang sendiri tanpa ubat yang khusus dan tanpa komplikasi yang berpanjangan. Tetapi segelintir individu seperti warga emas, kanak-kanak dan mereka yang mempunyai daya tahan imun yang rendah, boleh mendapat jangkitan serius sehingga menyebabkan

radang paru-paru, sepsis atau masalah penglihatan serta boleh membawa maut. Bagi




HARGA: RM 20

[BORANG](#)
[TEMPAHAN](#)

GARIS PANDUAN

GARIS PANDUAN KESELAMATAN KEBAKARAN DI FASILITI KESIHATAN



SOCIAL MEDIA



mereka yang mempunyai gejala berat dan berpotensi mendapat komplikasi teruk daripada mpox, rawatan antiviral seperti Tecovirimat dan Cidofovir serta rawatan antibodi boleh diberikan.

Oleh itu, walaupun keadaan sekarang agak terkawal, ambillah langkah berjaga-jaga. Pastikan tangan sentiasa bersih terutamanya apabila berada di tempat awam atau khalayak ramai. Sekiranya terdapat sebarang gejala ruam bersifat lepuh atau cacar yang merisaukan ataupun terdapat kontak dengan individu yang mempunyai gejala ini, bersegeralah dapatkan pemeriksaan agar rawatan dan ujian awal dapat dilakukan seterusnya membendung penularan virus ini.

Dr Asrar Abu Bakar merupakan pakar pediatrik (penyakit berjangkit) di Kulliyah of Medicine, International Islamic University Malaysia.

Like 2

Post

[Share](#)

Related Posts via Taxonomies

- [ACE2: Rakan atau Musuh COVID-19? – Dr Elena Azizan, Dr Norlela Sukor & Dr Morris Brown](#)
- [HIV dan Perkahwinan: Apa Yang Anda Perlu Tahu? – Dr Shaiful Ehsan](#)
- [Penyakit Tangan, Kaki Dan Mulut : Apa Yang Saya Perlu Tahu? – Dr Shaiful Ehsan](#)
- [Betapa Bahayanya Denggi #MsiaEndsDengue – Dr Khoo Yoong Khean](#)
- [Demam Denggi: Jangan Benarkan ia Meragut Nyawa Kita! #MsiaEndsDengue – Dr Alya Hamzah](#)
- [10 Myths on Dengue Fever #MsiaEndsDengue- Dr Nur Hidayati](#)
- [The Danger of Dengue #MsiaEndsDengue – Dr Khoo Yoong Khean](#)
- [Pencegahan dan Rawatan untuk Hepatitis – Pn. Sofhatun Nur Subhi \(Ketua Penolong Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi\)](#)
- [Newer Generation of Oral Anticoagulants \(blood thinners\) – Karen Wee Lee Fang \(Pharmacist\)](#)
- [Andropause di Kalangan Jejaka Warga Emas: Adakah Benar? – Dr Mohd Shaiful Ehsan Bin Shalihin](#)

Tags:

← [Is Bloody Stool Always Haemorrhoids? – Dr Ruhi Fadzlyana](#)

[Ubat-Ubatan Dalam Rawatan Ketidaksuburan – Nurulhidayah Khairudin \(Pegawai Farmasi\)](#) →

Leave a Reply

Your email address will not be published. Required fields are marked *

CATEGORIES

- [#ForMedicalStudents](#)
- [#HealthyRamadhan](#)
- [#MsiaEndsDengue](#)
- [#SmokeFreeMY](#)
- [Allied Health/Kesihatan Bersepadu](#)
- [Assunta Hospital](#)
- [Back to School](#)
- [BAPF x MMG](#)
- [Breast Cancer Awareness](#)
- [Cancer/Barah](#)
- [COVID-19](#)
- [Dental/Pergigian](#)
- [Dermatology/Dermatologi](#)
- [DoctorOnCall](#)
- [DoctorOnCall](#)
- [Early Career Psychiatric Chapter \(ECP\)](#)
- [Editorials](#)
- [Emergency Medicine/Perubatan Kecemasan](#)
- [ENT/Telinga, Hidung & Tekak](#)
- [Feature Articles](#)
- [Floods & Health](#)
- [General/Umum](#)
- [Health Education](#)
- [Heart Awareness](#)

Comment



Please type the characters of this captcha image in the input box

Name *

Email *

Website

Month

- Infectious Diseases/Penyakit Berjangkit
- Internal Medicine/Perubatan Dalaman
- Kejururawatan/Nursing
- Letters To Editor
- Lifestyle/Gaya Hidup
- Medical & Literature
- Medical Research
- Medication/Ubatan
- Medicine & Law/Undang-Undang Perubatan
- Men's Health/Kesihatan Lelaki
- Ministry of Health/Kementerian Kesihatan Malaysia
- News & Announcements
- Non-communicable Disease/Penyakit Tidak Berjangkit
- Obstetric/Obstetrik
- Occupational Health/Kesihatan Pekerjaan
- Opinions
- Ophthalmology/Mata

- Ophthalmology/
Ophthalmologi
- Optometri/Optom
etry
- Orthopaedics/
Ortopedik
- Paediatrics/Pe
diatriks
- Physiotherapy/
Fisioterapi
- Psychiatry/Psik
iatri
- Public
Health/Kesihat
an Awam
- Research/Kajja
n Saintifik
- Sonography/S
onografi
- Surgery
- WNTD2014
- Women's
Health/Kesihat
an Wanita
- World
Breastfeeding
Week 2014
- Young
Columnists
Program
- Your story

OWNED BY



DISCLAIMER

The Malaysian
Medical Gazette
(PPM-007-12-
13092013) formed
under Malaysian
Integrated Medical

Professionals Association is an informational website featuring news, issues and medical facts written by specialists, doctors and healthcare professionals.

It is not a substitute for medical consultation.

All facts written were authenticated by the respective authors and true at the time of publication.

**MIMPA/MMG
VOLUNTEER
FORM**

<https://forms.gle/eknioER5JaNK2HDt6>